

13 DEC 1998

Mahathir-pelantikan

MAHATHIR BELUM BUAT KEPUTUSAN LANTIK TPM

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau belum membuat keputusan untuk melantik timbalan perdana menteri baru.

Ini sekali gus menamatkan spekulasi mengenai pelantikan itu akan dibuat pada perhimpunan agung khas UMNO hari ini.

"Saya belum membuat keputusan berhubung perkara itu walaupun ada ramai pihak yang datang berjumpa saya meminta saya untuk berbuat demikian," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas perhimpunan agung khas parti di sini.

Bila ditanya mengenai kriteria seorang timbalan perdana menteri, Dr Mahathir berkata: "kalau boleh replika seperti saya. Saya tahu ini tak mungkin, tetapi apa yang penting ialah dasar mesti diteruskan...bukannya personaliti.

"Ini bagi memberi keyakinan kepada mereka yang melabur di negara ini, supaya tidak berlaku perubahan yang mendadak 180 darjah.

"Calon memang banyak... ada yang sama dari segi ini dan ada yang sama dari segi itu, jika mereka sama seperti saya dalam segenap segi, mereka akan kelihatan seperti kembar saya," katanya semasa ditanya sama ada beliau sudah menemui calon yang memenuhi kriteria.

Bila ditanya mengenai spekulasi bahawa beliau akan mengumumkan pelantikan timbalan perdana menteri pada waktu terdekat, Dr Mahathir mengulangi bahawa beliau akan tunggu tahun depan waktu pemilihan parti dibuat.

Mengenai pertemuannya dengan Menteri-menteri besar dan Ketua-ketua menteri berhubung pelantikan timbalannya, beliau berkata bukan mereka sahaja menemui beliau tetapi banyak lagi pihak lain.

"Buat masa ini saya dengar semua pendapat," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengenai pendapat bahawa pelantikan seorang timbalan perdana menteri harus dilakukan demi kepentingan negara dan Umno, beliau berkata ramai yang memberi pendapat berbeza malah ada yang berpendapat lebih baik ditunggu sehingga pemilihan parti dan ada juga yang mengatakan pelantikan perlu dibuat sebelum pemilihan.

"Ada daripada mereka mengingatkan saya bahawa saya sendiri dipilih (jadi timbalan perdana menteri) sebelum parti menentukan siapa yang menjadi timbalan presiden parti," katanya.

Menyentuh pindaan perlembagaan berhubung pemilihan parti, Dr Mahathir berkata pindaan itu perlu bagi mengelak perkara-perkara seperti penyelewengan dan politik wang.

"Dalam ucapan saya, saya tegaskan bahawa sekarang penting bagi kita memberi penekanan tentang (mempertahankan) budaya Umno yang lebih kukuh... supaya tidak ada penyelewengan. Undang-undang sahaja tak menjadi apa-apa," katanya.

Bila ditanya adakah pindaan itu akan mengelak berlakunya politik wang memandangkan ramai orang akan menyertai pertandingan, katanya: "Saya belum tahu sama ada lebih ramai atau kurang ramai akan bertanding, waktu ini kita tidak tahu lagi."

Ditanya kenapa suasana perhimpunan kali ini agak hambar, Dr Mahathir berkata: "Sesi kali ini bukannya menarik kerana ia hanya untuk membuat pindaan kepada perlembagaan parti. Terdapat pindaan yang mereka semua sokong yang memerlukan kehadiran mereka. Tanpa kehadiran mereka kita tidak boleh meluluskan pindaan."

-- BERNAMA
AU ARA/NZ RON